



**TEKS UCAPAN
YABHG. DATIN SERI UTAMA DATUK WIRA HJH. MUNIRA
BINTI M. YUSOP
PENGERUSI BISTARI NEGERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN PERAYAAN
TAHUN BAHARU CINA TAHUN 2022**

**TARIKH: 09 JANUARI 2022 (AHAD), MASA: JAM 9.00 PAGI
BERTEMPAT DI DEWAN BISTARI, AYER KEROH MELAKA.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;
Salam sejahtera.

**“SALAM MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA”**

‘WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030’

‘BISTARI BERSEDIA BERSATU BERJAYA’

Terima kasih pengacara majlis;

**YB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh,
EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian dan
Pembangunan Usahawan merangkap Penasihat
BISTARI Negeri Melaka;**

**YB Datuk Lim Ban Hong,
Ahli Dewan Undangan Negeri Klebang merangkap
Pengerusi MCA;**

**Yang Berusaha Encik Burhanuddin bin Bachik,
Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
Melaka;**

Seterusnya Ahli-ahli BISTARI, Datuk-datuk, Datin-datin, Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

1. **(Nimen Zuijin Hai Hoa Ma?)** Apa khabar semua? Saya harap semua yang hadir pada hari ini sihat-sihat semuanya.
2. Pertamanya, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa pengelola Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional Negeri Melaka (BISTARI) kerana berjaya menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan

Perayaan Tahun Baharu Cina tahun 2022 pada hari ini.

3. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada **YB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh**, kerana dapat meluangkan masa untuk hadir bersama-sama ke majlis pada hari ini.
4. Saya juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada **YB Datuk Lim Ban Hong** kerana turut sudi hadir sama pada majlis ini.

5. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka kerana berjaya mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baharu Cina pada pagi yang berbahagia ini.

6. Bagi pihak BISTARI, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada semua masyarakat Tionghua yang meraikannya tidak lama lagi khususnya di Negeri Melaka serta di mana jua anda berada.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

7. Tahun Baharu Cina adalah perayaan yang paling penting dalam masyarakat Cina bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia. Perayaan ini adalah perayaan tradisional masyarakat Cina, sebagai tanda permulaan dan pembaharuan dalam kehidupan yang disambut dengan penuh meriah setiap tahun.

8. Namun, saya akui, pada tahun ini juga, kita masih berdepan dengan pandemik COVID-19, terutama penularan varian baharu, Omicron yang lebih berbahaya. Justeru, suka saya berpesan kepada semua agar kita semua sentiasa berhati-hati,

sambutlah perayaan ini dengan bersederhana di samping mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Saudara dan saudari sekalian,

9. Baru-baru ini, Negeri Melaka telah berdepan dengan musibah banjir yang disifatkan sebagai antara yang terburuk apabila banyak infrastruktur awam seperti jalan raya dan fasiliti lain yang terjejas.

10. Bencana banjir yang melanda Negeri Melaka itu adalah satu fenomena alam yang jarang berlaku. Kejadian banjir tersebut disebabkan hujan lebat yang tidak berhenti-henti, menyebabkan air melimpah ke kawasan rumah penduduk terutama di kawasan yang rendah.

11. Sehubungan dengan itu, saya bagi pihak BISTARI merakamkan ucapan takziah kepada saudara dan saudari yang hadir pada hari ini jika ada dalam kalangan saudara saudari yang ditimpa musibah banjir, baru-baru ini. Saya amat sedih dan bersimpati melihat keadaan saudara saudari yang

terpaksa berpindah selepas kediaman dinaiki air secara mendadak. Semoga urusan saudara dan saudari dipermudahkan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

12. Untuk makluman semua, setiap kali perayaan Tahun Baharu Cina, BISTARI tidak ketinggalan untuk membantu golongan yang memerlukan bagi membuat persiapan sambutan tersebut agar mereka juga dapat menyambutnya seperti orang lain.

13. Pada tahun lepas, BISTARI hanya dapat menyumbang **kepada 50 orang penerima melibatkan peruntukan sebanyak RM5,000** tetapi dengan peningkatan sumbangan daripada para penyumbang, maka dapatlah kita berkongsi rezeki dengan lebih ramai penerima. Maka, pada tahun ini, seramai **100** orang penerima bertuah dipilih untuk menerima sumbangan wang tunai dan kit makanan daripada BISTARI.
14. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang untuk majlis ini khususnya

Mamee Food Industry dan sumbangan **peruntukan daripada YB Datuk Lim Ban Hong**. Marilah kita bersama-sama mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi sumbangan untuk majlis hari ini dan berdoa agar penyumbang terus dimudahkan lagi rezeki. Sesungguhnya, usaha murni ini bukan sahaja dapat membantu mereka yang memerlukan, tetapi juga turut mengurangkan bebanan rakyat.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

15. Pesanan saya sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang bakal tiba pada 1 Februari 2022 nanti, gunakanlah kesempatan dan peluang yang ada ini untuk bersama-sama keluarga, eratkan silaturahim dan jagalah SOP yang telah ditetapkan supaya keselamatan diri dan keluarga kita terpelihara.

16. Akhir kata, semoga sambutan Tahun Baharu Cina berzodiak '**Harimau**' ini terus membawa kedamaian dan kesejahteraan kepada negara, negeri dan rakyat Melaka serta mencetus iltizam dan kekuatan untuk kita mencipta lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

17. Saya mengakhiri ucapan ini dengan ungkapan ***Xin Nian Kuai Le*** (Selamat Tahun Baharu), ***Shen Ti Jian Kang*** (Semoga dalam keadaan sihat), ***Gong Xi Fa Chai*** (Semoga memperoleh kemakmuran dan kekayaan) kepada seluruh rakyat Melaka yang menyambut Tahun Baharu Cina dan berharap semoga perayaan ini akan terus membawa kebahagiaan dan keharmonian yang berpanjangan kepada kita semua.

Sekian, ***Xie Xie Ta Cia*** (Terima kasih Semua).

-TAMAT-